

**STANDARD 4: PEMELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PdPc)****PERNYATAAN STANDARD:**

Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

**ASPEK 4.1: GURU SEBAGAI PERANCANG****KRITERIA KRITIKAL:**

Guru bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

BIL.	STANDARD KUALITI	TINDAKAN UNTUK MENCAPAI STANDARD
4.1.1	Guru merancang pelaksanaan PdPc secara profesional dan sistematik.	Menyediakan RPH, menentukan kaedah pentaksiran dan menyediakan sumber pendidikan mengikut keupayaan murid, peruntukan masa dan mematuhi arahan yang berkuat kuasa.

**RUBRIK PENSKORAN**

Tahap Tindakan		Tahap Kualiti	
4	Guru merancang pelaksanaan PdPc dengan: i. menyediakan RPH yang mengandungi objektif yang boleh diukur dan aktiviti pembelajaran yang sesuai ii. menentukan kaedah pentaksiran dalam PdPc iii. menyediakan ABM/BBM/BBB/TMK.	4	Tindakan dilaksanakan: i. mengikut pelbagai aras keupayaan murid ii. mengikut peruntukan masa yang ditetapkan iii. dengan mematuhi ketetapan kurikulum/arahan yang berkuat kuasa.
3	Guru merancang pelaksanaan PdPc bagi perkara (i) dan (ii).	3	Tindakan dilaksanakan dengan mengambil kira perkara (i) dan (ii) atau perkara (i) dan (iii).
2	Guru merancang pelaksanaan PdPc bagi perkara (i) dan (iii).	2	Tindakan dilaksanakan dengan mengambil kira perkara (ii) dan (iii).
1	Guru merancang pelaksanaan PdPc bagi sekurang-kurangnya satu (1) perkara di atas.	1	Tindakan dilaksanakan dengan mengambil kira mana-mana satu (1) perkara di atas.
0	Guru tidak merancang pelaksanaan PdPc.	0	Tidak mengambil kira mana-mana perkara di atas.

**JADUAL PENGIRAAN SKOR**

TINDAKAN	TAHAP TINDAKAN (0/1)	TAHAP KUALITI (SKOR)
i. menyediakan RPH yang mengandungi objektif yang boleh diukur dan aktiviti pembelajaran yang sesuai		
ii. menentukan kaedah pentaksiran dalam PdPc		
iii. menyediakan ABM/BBM/BBB/TMK.		

**CATATAN**

--